



English | Malay | Mandarin | عربى | Español

[HOME](#) [TENTANG BERNAMA](#) [AM](#) [POLITIK](#) [EKONOMI](#) [SUKAN](#) [RENCANA](#) [DUNIA](#) [E-NEWSLETTER](#) [WEB TV](#) [SENARAI BERITA](#) [ARKIB BERITA](#)

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • [Who's Who](#) [Biz](#)

EKONOMI > BERITA

IJM Corp Catat Kejayaan Dengan Keuntungan Lebih RM1 Bilion

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Kumpulan pembinaan, IJM Corporation Bhd mencatat kejayaan dalam mengekalkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1 bilion bagi tiga tahun berturut-turut, walaupun menghadapi cabaran dalam bahagian hartaanah dan perladangan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2016, IJM mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.15 bilion, naik 13.4 peratus berbanding RM1.01 bilion sebelum ini.

Keuntungan sebelum cukai yang lebih baik itu sebahagian besarnya daripada keuntungan sekali sahaja daripada penjualan kepentingan ekuiti dalam anak syarikat dan keuntungan nilai saksama ke atas penilaian semula kepentingan ekuitinya dalam Jaipur Mahua Tollway Pvt Ltd dan Swarna Tollway Pvt Ltd berjumlah RM301.9 juta pada tahun semasa, katanya.

Susulan itu, ia mengisyiharkan dividen khas sebanyak tiga sen sesaham sebagai tambahan kepada dividen interim satu peringkat kedua sebanyak empat sen sesaham.

"Digabungkan dengan dividen interim satu peringkat pertama sebanyak tiga sen diisyiharkan pada November 2015, jumlah dividen diisyiharkan bagi tahun kewangan ini berjumlah 10 sen sesaham," menurut syarikat dalam kenyataan di sini hari ini.

Bagaimanapun, perolehan susut sebanyak 5.9 peratus kepada RM5.13 bilion berbanding RM5.45 bilion sebelum ini susulan sumbangan lebih rendah daripada unit hartaanah dan perladangan.

Namun, bagi suku keempat berakhir 31 Mac, 2016, IJM menyaksikan keuntungan sebelum cukainya susut kepada RM124.84 juta berbanding RM244.62 juta sebelum ini, manakala perolehan turut merosot kepada RM1.167 bilion berbanding RM1.44 bilion pada suku sama tahun lepas.

Mengenai prospek, IJM berkata bahagian pembinaan kumpulan dijangka mencatat prestasi yang memuaskan berdasarkan kedudukan nilai perolehan kontraknya yang kukuh, disokong oleh permintaan sektor swasta yang agak kukuh dalam pasaran domestik.

Pasaran hartaanah, bagaimanapun, dijangka kekal mencabar berikutan sentimen pengguna yang lemah masih berterusan disebabkan prospek ekonomi yang lemah, turun naik ringgit Malaysia, dasar kelulusan gadai janji yang ketat dan penawaran hartaanah yang siap.

Namun begitu, dengan jualan belum dijelaskan sebanyak RM1.7 bilion, bahagian hartaanah dijangka mengekalkan prestasinya pada tahun kewangan akan datang.

Bagi bahagian industri, IJM berkata ia dijangka meraih manfaat daripada nilai perolehan kontrak pembinaan yang besar dan turut menjangka perbelanjaan infrastruktur yang meningkat di bawah inisiatif Program Transformasi Ekonomi Malaysia.

"Walaupun pengeluaran tanaman lebih tinggi daripada tambahan kawasan baharu di Indonesia, kesan daripada corak cuaca El Nino menjelaskan keseluruhan pengeluaran tanaman bahagian perladangan Kumpulan."

Katanya walaupun harga komoditi meningkat berikutan jangkaan bekalan yang ketat, levi dan cukai eksport minyak sawit Indonesia sebanyak US\$53 setan metrik akan terus mengurangkan pendapatan dan keuntungan dalam bahagian itu.

Susulan faktor di atas dan berdasarkan kadar pertukaran asing yang tidak menentu, bahagian perladangan kumpulan tersebut menjangka tahun kewangan yang mencabar, katanya.

Operasi pelabuhan dan tol kumpulan itu dijangka menyediakan aliran pendapatan berulang yang terus meningkatkan keuntungan bahagian infrastruktur kumpulan.

"Peningkatan turun naik dalam pasaran modal global dan hubungan tidak menentu disebabkan ketidaktentuan pertukaran asing akan terus memberi kesan kepada keputusan Kumpulan."

"Bagaimanapun, tanpa mengambil kira sebarang keadaan yang tidak dijangka, Kumpulan dijangka mencapai prestasi memuaskan pada tahun kewangan akan datang," katanya.

-- BERNAMA